

29 SEP 1998

Dewan-Sokong

TERENGGANU SOKONG LANGKAH PM TANGANI KEGAWATAN EKONOMI

KUALA TERENGGANU, 29 Sept (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu hari ini dengan suara majoriti bersetuju membuat ketetapan untuk menyokong usaha Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menangani isu kegawatan ekonomi.

Dewan juga menyokong tindakan Perdana Menteri memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kerana masalah moralnya dan menyesali tindakan Anwar menggunakan masjid dan tempat-tempat awam seperti Dataran Merdeka untuk mengadakan perhimpunan haram.

Usul itu yang mengikut Fasal 31 Peraturan Tetap DUN dikemukakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Sumber Manusia Datuk Abdul Rashid Ngah dan Awang Abdul Jabar (BN-Bukit Besi) pada pukul 10.40 pagi.

Undian yang dijalankan itu juga agak luar biasa kerana semua wakil rakyat BN yang bersetuju dengan usul itu berdiri di sebalik hanya mengangkat tangan seperti kebiasaan.

Semasa membahaskan usul itu, Awang berkata usul itu adalah penting sebagai sokongan kepada pucuk pimpinan negara dalam menangani isu semasa terutama untuk menjaga keharmonian dan kestabilan.

Beliau berkata ia juga sebagai menolak gerakan reformasi yang dimulakan oleh Anwar yang boleh membawa keadaan yang huru-hara dan rusuhan.

"Reformasi itu juga akan dijadikan alasan oleh pihak luar untuk masuk campur dalam sistem pentadbiran negara atau mengadakan pelbagai sekatan dan memboikot barangan keluaran Malaysia," katanya.

Usul itu juga merujuk kepada sikap Anwar selepas pemecatannya menggunakan masjid dan tempat awam untuk mengadakan perhimpunan yang memburukkan lagi kegawatan yang dialami negara sekarang dan sepatutnya isu Anwar itu dijalankan melalui proses undang-undang, bukannya reformasi seperti yang ditaja penyokongnya.

Beliau berkata Perdana Menteri sebenarnya tidak pernah melakukan perkara-perkara yang sia-sia dan tindakan drastik yang dilakukan olehnya (Dr Mahathir) ada hikmahnya.

Harun Hassan (BN-Air Putih) pula berkata masalah untuk menangani kegawatan ekonomi adalah pokok penting untuk menjaga kemakmuran negara dan rakyat.

"Isu pemecatan Datuk Seri Anwar adalah berkaitan isu moral dan ia (pemecatan) dibuat (oleh Perdana Menteri) adalah tanpa memilih bulu...masalah moral itu adalah tidak manis dilakukan oleh seorang yang kuat pegangan agamanya

Beliau berkata keyakinan terhadap tindakan-tindakan drastik Perdana Menteri dalam menangani masalah ekonomi negara sekarang perlu disokong demi menjaga negara daripada dikuasai oleh orang lain.

Sekiranya kegawatan ekonomi tidak diatasi, banyak lagi syarikat akan tutup kerana tidak mampu beroperasi dan pendapatan negara terhadap 28 peratus cukai korporatnya juga akan hilang.

Menurutnya kesan daripada penutupan syarikat-syarikat itu juga menyebabkan ramai rakyat tidak dapat pekerjaan dan pengangguran akan berlaku sama ada di sektor swasta atau kerajaan.

"Oleh itu, jika perkara ini berlaku ia akan membawa banyak masalah kepada negara dan juga masyarakat," katanya.

-- BERNAMA

SBS PR

